

Ecstasy racun tikus dirampas

B-H 30/01/07 M/S 5

Dadah baru dihasilkan di negara ini diedar di pusat hiburan, pub sekitar ibu kota

Oleh Masrina Mohd Yunos

KUALA LUMPUR: Polis merampas pelbagai jenis dadah termasuk sejenis pil psikotropik baru berbentuk tiga segi yang dipercayai dihasilkan daripada pelbagai bahan campuran termasuk sejenis racun tikus, dalam beberapa serbuan di sekitar ibu kota, hujung minggu lalu.

Pil buatan tempatan berwarna kuning dan biru itu dikesan aktif di edarkan di beberapa pusat hiburan dan pub di sekitar ibu kota, terutama di daerah Dang Wangi, sejak April tahun lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Kang Chez Chiang, berkata penggunaan ecstasy baru itu berjaya didedahkan berikutan penahanan seorang lelaki berusia 45 tahun bersama sejumlah pil biru kuning dalam satu serbuan di pusat karaoke di Jalan Bukit Bintang, Sabtu lalu.

Beliau berkata, pil berkenaan pertama kali ditemui, dipercayai diha-

silkan di negara ini menggunakan campuran dadah jenis ketamin, kafein serta racun tikus.

"Sebelum ini, semua pil ecstasy yang dirampas berbentuk bulat dan ini kali pertama kami merampas pil berbentuk segi tiga. Pil berkenaan sudah dihantar ke jabatan kimia untuk dianalisis bagi mengetahui kandungan serta kesan sampingan pengambilannya," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Kang berkata, polis menahan empat lelaki dan dua wanita bersama pelbagai jenis dadah bernilai RM141,000, dalam tiga serbuan berasingan di dua pusat hiburan dan sebuah kilang di sekitar ibu kota, pada Jumaat dan Sabtu lalu.

Dalam serbuan pertama kira-kira jam 12 tengah malam Sabtu lalu, katanya polis menahan seorang lelaki berusia 58 tahun dan wanita warga China di Taman Miharja, Cheras bersama satu paket dadah jenis ketamin dan 20 biji pil ecstasy yang disorokkan dalam coli wanita terbabit.

"Susulan itu, polis kemudian me-

nyerbu sebuah rumah di Taman Desa Petaling, di sini dan merampas 182 biji pil ecstasy, 35.5 gram syabu dan 15 biji pil erimin bernilai RM10,500 serta beberapa unit telefon bimbit," katanya.

Dalam serbuan kedua pula, katanya polis menahan dua lelaki tempatan berusia 41 dan 60 tahun serta seorang wanita berusia 37 tahun di Jalan Pahang dan merampas 10 paket heroin yang dibalut menggunakan kertas surat khabar.

"Baki seorang suspek, iaitu buruh berusia 43 tahun ditahan di sebuah kilang di Jalan Kasipillay, Sentul, Sabtu lalu. Hasil pemeriksaan polis menjumpai bungkus plastik mengandungi 278 gram daun kering dipercayai ganja.

"Semua suspek kini direman sehingga Jumaat ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman mati mandatori," katanya.

Sementara itu, seorang lelaki dan wanita warga Indonesia ditahan bersama sejumlah pil psikotropik ber-



HASIL RAMPASAN: Pelbagai jenis pil ecstasy baru yang menggunakan campuran racun tikus dirampas dalam serbuan di sekitar ibu kota, hujung minggu lalu.

nilai kira-kira RM70,000 dan pelbagai peralatan membuat dadah di sebuah rumah teres di Pandan Perdana, di sini, minggu lalu.

Lelaki berusia 32 tahun itu dipercayai menjadikan rumah teres dua tingkat itu sebagai pusat menghasilkan pelbagai pil psikotropik berkualiti rendah sebelum memasarkannya di beberapa pusat hiburan dan pub di sekitar ibu kota.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya,

Asisten Komisioner Amer Awal, berkata ketika serbuan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) pada jam 1.20 pagi 23 Januari lalu, polis menjumpai 62 gram syabu, 82 pil Apo 10, 22 pil tertera tulisan CCM, 70 gram ketamine, 211 pil ecstasy seberat 81.6 gram dan 189.3 gram serbuk dipercayai ecstasy.

Beliau berkata, polis turut menjumpai serbuk plaster, tepung pulut dan belerang di rumah itu.